

Headline	Tiada banjir besar kedua di Kelantan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	448 cm ²
Journalist	Azman Mahmood	AdValue	RM 15,384
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,152



Tiada banjir besar kedua di Kelantan

» *Jabatan Meteorologi nafi ramalan bah kuning berulang*

Oleh Azman Mahmood dan Luqman Arif Abdul Karim

► Kota Bharu

Jabatan Meteorologi Kelantan menolak kemungkinan fenomena banjir besar atau bah kuning berulang di negeri itu, menjelang hujung tahun ini.

Pengarahnya, Maqrum Fadzli Mohd Fahmi, berkata Kelantan diramal menerima hujan lebat pada penghujung tahun, namun peningkatan paras air sehingga berlaku banjir di negeri itu bergantung kepada beberapa faktor.

Beliau berkata, ia merangkumi perubahan cuaca dan kadar taburan hujan yang lazimnya mula meningkat seawal Oktober.

“Kajian berkaitan banjir yang dilaksanakan Jabatan Meteorologi akan mengambil kira kadar hujan semasa dan faktor cuaca, sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga bulan akan datang.

“Bagaimanapun, kita tidak menjangkakan Kelantan sekali lagi dilanda banjir besar sehingga dua kali ganda berbanding apa yang berlaku tahun lalu,” katanya, semalam.

Sementara itu, di Kuala Lum-

pur, Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES) Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Azizan Abu Samah, berkata banjir besar yang melanda Kelantan penghujung tahun berpunca daripada pertembungan Monsun Timur Laut dan kesan Madden-Julian Oscillation (MJO).

Monsun Timur Laut berlaku akibat luruan hawa sejuk dari Siberia pada setiap penghujung tahun, manakala MJO adalah bawaaan angin dan wap air dalam kuantiti banyak yang bertiup dari Lautan Hindi.

Pertembungan arus

Azizan berkata, Kelantan mungkin dilanda banjir besar jika MJO dan luruan sejuk dari Siberia bertembung tepat pada masanya.

“Bagaimanapun, berdasarkan perkembangan El Nino atau kemarau yang melanda negara ketika ini, kadar kemungkinan Kelantan dilanda banjir besar hanya sekitar lima peratus,” katanya.

Pakar Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Tereng-

ganu (UMT), Dr Mohd Fadzil Mohd Akhir, berkata masih terlalu awal untuk meramalkan Kelantan bakal dilanda banjir besar Disember ini.

Ketepatan ramalan cuaca, katanya, lebih kukuh jika dibuat dalam tempoh dua minggu hingga sebulan sebelum monsun timur laut bermula, iaitu antara Oktober hingga November.


“Kita perlu melihat pola perubahan cuaca dan banjir besar yang melanda Malaysia dalam tempoh tujuh tahun kebelakangan ini.

Pernah berlaku tiga kali

“Pertembungan MJO dan luruan sejuk dari Siberia pernah berlaku tiga kali termasuk yang terakhir di Kelantan pada penghujung tahun lalu, manakala Kuantan (Pahang) serta Kemaman (Terengganu) mengalaminya pada 2013.

“Banjir besar yang melanda beberapa daerah di Johor pada 2006 turut berpunca daripada fenomena sama,” katanya.

Headline	Tiada banjir besar kedua di Kelantan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	448 cm ²
Journalist	Azman Mahmood	AdValue	RM 15,384
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,152



Prof Azizan Abu Samah

